

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

CIMB ISLAMIC RAKAN STRATEGIK TERKINI **TH**

TAWAR PERKHIDMATAN DI LEBIH 2,900 RANGKAIAN TERMINAL LAYAN DIRI CIMB SELURUH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Januari 2019: Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengumumkan penyertaan terkini CIMB Islamic Bank Berhad (CIMB Islamic) sebagai Rakan Strategik **TH**. Pelanggan CIMB dapat melaksanakan perkhidmatan **TH** di lebih 2,900 rangkaian terminal layan diri CIMB seluruh Negara. Perkhidmatan ini turut memberikan kemudahan kepada lebih sembilan (9) juta pendeposit **TH**.

Melalui kerjasama strategik ini, pendeposit **TH** dapat melaksanakan transaksi berkaitan **TH** seperti pengeluaran wang tunai; simpanan wang tunai; pindahan wang dari akaun **TH** ke akaun CIMB dan sebaliknya; pendaftaran dan pembatalan 'link' kad ATM CIMB ke akaun **TH** serta pertanyaan baki simpanan.

YBhg Dato' Sri Zukri Samat, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif **TH** berkata, "Kerjasama strategik ini akan meningkatkan akses perkhidmatan **TH** dari lebih 6,000 rangkaian perkhidmatan ('touch points') kepada lebih 9,000 'touch points' seluruh negara".

"Penggunaan saluran elektronik dengan konsep 'layan diri' ('self-service') ini boleh diakses dengan mudah, serta bilangan pendeposit yang menggunakan kemudahan tersebut juga semakin meningkat," tambah beliau.

YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB berkata perkhidmatan ini secara keseluruhannya boleh diakses oleh pelanggan-pelanggan CIMB, tidak kira sama ada mereka mempunyai akaun CIMB Bank atau CIMB Islamic.

“Saya berasa amat gembira dan berbesar hati kerana kerjasama ini dapat disempurnakan untuk kemudahan para pelanggan CIMB dan **TH**. Kerjasama strategik yang memberikan nilai tambah kepada para pelanggan kami mencerminkan fokus CIMB dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan selari dengan teras “pengalaman pelanggan” (*‘customer experience’*) yang menawarkan servis yang cekap dan mudah. Justeru, kami di CIMB terus komited dalam memastikan lebih banyak kerjasama sebegini dapat dimeterai demi manfaat para pelanggan di masa hadapan.” tambah beliau.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah Malaysia dan rekodnya yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model kepada pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada sembilan juta pendeposit dan 125 cawangan dengan hampir 10,000 *touch points*, di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi *Tabung Haji Contact Centre* ditalian 03-6207 1919.

CIMB Islamic Bank

CIMB Islamic Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam Malaysia 2013, merupakan entiti operasi utama perbankan dan kewangan Islam rangkaian Kumpulan CIMB.

Ia beroperasi sejajar dengan platform perbankan universal Kumpulan dan menawarkan produk dan perkhidmatan patuh Syariah kepada perbankan runcit, perbankan pelaburan, pengurusan aset dan perniagaan pelaburan Kumpulan.

Perkhidmatan, produk dan operasi CIMB Islamic mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip dan piawaian Syariah global di bawah bimbingan Jawatankuasa Syariah CIMB Islamic yang terdiri daripada pakar-pakar dan ulama Syariah yang berwibawa di dunia. CIMB Islamic menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang komprehensif dan inovatif untuk memenuhi keperluan individu, perusahaan kecil dan sederhana, serta pelanggan institusi bersaiz besar.

Operasi perbankan dan kewangan Islam Kumpulan CIMB disokong oleh rangkaian Kumpulan lebih daripada 35,000 pekerja di 15 buah negara yang terdiri daripada pasukan pengurusan kanan yang berpengalaman, dan pasukan global profesional perbankan dan kewangan Islam, merangkumi semua komponen utama perkhidmatan perbankan dan kewangan. Kumpulan CIMB juga memiliki rangkaian runcit terluas di ASEAN, dengan lebih daripada 800 cawangan pada 30 September 2018.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, pihak media boleh hubungi:

Lembaga Tabung Haji

CIMB Islamic Bank

<p>Hisyam Samad Pengurus Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Tel : 03.2054.2519 Emel : hisyam.samad@lth.gov.my</p>	<p>Suria Zainal Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad Tel : 03.2261.0638 Emel : suriawati.zainal@cimb.com</p>
--	--